

## Press Clipping

# PKFZ mahu kuasa autonomi

**A**GENSI sehenti Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) sedang berusaha mendapatkan persetujuan kerajaan untuk diberikan kuasa secara langsung bagi membolehkan sebarang keputusan membatalkan zon berkenaan dibuat lebih cepat.

Sumber industri berkata, pengurus projek PKFZ, Port Klang Free Zone Sdn Bhd, menerusi Lembaga Pelabuhan Klang (PKA) dipercayai sudah mengemukakan permohonan itu kepada Kementerian Kewangan bagi pertimbangan.

Agensi sehenti itu kini menempatkan lebih daripada 20 pejabat jabatan dan agensi persekutuan serta negeri di bawah satu bumbung.

Ita termasuk Kementerian Kewangan, Pendaftaran Syarikat/Perniagaan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Lembaga Pembangunan Industri Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Pusat Pelaburan Ne-

geri Selangor, Tenaga Nasional Bhd, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Imigresen dan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Sementara itu, Pengerusi PKA, Datuk Yap Pian Hon, memberitahu *Bernama* bahawa adalah penting untuk mempunyai mekanisme yang perlu bagi memudahkan pelabur melaksanakan projek mereka dalam tempoh singkat.

Kejayaan Kawasan Perdagangan Bebas Jebel Ali, Dubai sebahagian besarnya disebabkan lembaga zon bebas itu mempunyai kuasa autonomi dalam semua bidang dan aspek operasi kawasan itu, termasuk kelulusan membatalkan operasi perniagaan pelabur, katanya.

"Adalah penting untuk kami mempunyai mekanisme kompetitif bagi PKFZ menarik pelabur, terutamanya pelabur asing kerana mereka tidak mampu menunggu berbulan-bulan untuk keputusan dan kelulusan

perniagaan," katanya.

PKFZ adalah sebuah pusat pengedaran dan penyatuan kargo antarabangsa seluas 405 hektar bersebelahan dengan Westport di Pelabuhan Klang.

Ita mencontohi Zon Bebas Jebel Ali di Dubai, yang diiktiraf secara meluas sebagai zon bebas paling berjaya di dunia.

Yap berkata, membuat keputusan yang cepat adalah satu daripada bidang PKA sedang kaji dengan serius bagi PKFZ.

Seorang lagi anggota industri yang memahami operasi PKFZ sementara itu berkata, secara purata, proses kelulusan kini mengambil amasa antara satu hingga tiga bulan.

Jika diberikan kuasa autonomi, agensi sehenti itu boleh memperoleh kelulusan dalam masa seminggu atau dua, katanya.

Yap berkata, agensi sehenti di PKFZ akan meniru serapat yang boleh agensi di Zon Bebas Jebel Ali.